

**SOALAN YANG KERAP DITANYA
TAKLIMAT PENGURUSAN PEPERIKSAAN PTK TAHUN 2010
1 FEB – 9 FEB 2010**

- 1. Adakah pegawai yang mendapat Aras III semasa menduduki PTK di gred yang dipangku / dipinjamkan / ditukar sementara hanya mempunyai peluang sekali sahaja lagi untuk memperbaiki keputusan ke Aras IV di bawah kaedah baru?**

YA.

- ✓ Pegawai berkenaan hanya mempunyai peluang sekali sahaja lagi untuk memperbaiki keputusan ke Aras IV di bawah kaedah baru.
- ✓ Pegawai juga tidak dibenarkan mengulang komponen secara berasingan sesi kerana tiada peluang kali kedua untuk memperbaiki keputusan.

- 2. Mengapa peluang untuk memperbaiki keputusan PTK di Aras III hanya sekali sahaja?**

1. Pegawai yang telah mendapat keputusan Aras III telah membuktikan penguasaan kompetensi yang baik dan telah memenuhi kompetensi yang diperlukan di gred berkenaan;
2. Dari segi keperluan kerjaya, pegawai yang mendapat keputusan Aras III telah memenuhi syarat PTK untuk tujuan kenaikan pangkat. Walaubagaimanapun, peluang masih lagi diberikan untuk pegawai membaiki keputusan ke Aras IV bagi tujuan mendapat Anjakan Gaji;
3. Peluang menduduki semula PTK sewajarnya diberikan keutamaan kepada pegawai yang **BELUM LULUS/MELEPASI TAHAP KOMPETENSI** ; dan
4. Untuk memastikan pegawai betul-betul bersedia, komited dan serius ketika menduduki penilaian PTK.

- 3. Bagi Peperiksaan PTK-SSM, bolehkah calon yang telah mendapat Aras III ingin mengulang pada sesi Oktober sekiranya calon tidak bersedia pada sesi Jun Tahun 2010?**

Ya. Calon Aras III boleh mengulang PTK pada sesi Oktober jika tidak bersedia pada sesi Jun Tahun 2010.

- 4. Apakah syarat-syarat bagi seseorang pegawai untuk menduduki PTK di gred berkenaan secara kelonggaran syarat?**

Kelonggaran syarat menduduki PTK diberi kepada pegawai yang memangku. Pegawai BOLEH menduduki PTK di gred yang lebih tinggi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Telah lulus PTK di gred hakiki; dan
- Dibenarkan menduduki PTK satu gred lebih tinggi sahaja daripada gred hakiki

5. Mengapa pegawai yang memilih kelonggaran syarat menduduki PTK hanya dipertimbangkan keputusan tertinggi pada Aras III?

Keputusan pada Aras III adalah memadai untuk membolehkan pegawai dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi terutama bagi pegawai yang memangku melangkau gred tanpa menunggu urusan pengesahan di gred tersebut.

Contoh 1: Hakiki di Gred DG44, memangku Gred DG52. Telah lulus TK3 tetapi belum dinaikkan pangkat ke Gred DG48, boleh menduduki TK4.

Contoh 2: Hakiki di Gred DG48, memangku Gred DG52. Telah lulus TK4, boleh menduduki TK5 untuk kenaikan pangkat ke Gred DG54.

6. Pegawai yang mendapat keseluruhan Aras I atau Aras II semasa menduduki PTK di gred yang dipangku / dipinjamkan / ditukar sementara mempunyai peluang berapa kali untuk memperbaiki keputusan di bawah kaedah baru?

Pegawai yang mendapat aras keseluruhan I atau II boleh memperbaiki keputusan dengan mengulang kedua-dua komponen sehingga mendapat aras melepasi tahap kompetensi iaitu Aras III atau Aras IV.

Contoh: Komponen Generik aras III, Komponen Fungsional aras II = aras II
Dibenarkan mengulang kedua-dua komponen sehingga mendapat aras melepasi tahap kompetensi.

7. Apakah bahan-bahan rujukan untuk menduduki PTK?

Bahan-bahan rujukan untuk menduduki PTK adalah seperti yang disenaraikan dalam sukatan PTK yang berkenaan. (boleh didapati dalam laman web BPPK) di <http://apps.emoe.gov.my/bppk/>.

8. Bolehkah calon membawa bahan-bahan rujukan semasa menduduki peperiksaan PTK?

Calon tidak dibenarkan membawa masuk bahan rujukan ke bilik / dewan peperiksaan dan membuat rujukan semasa peperiksaan.



PENILAIAN PEMAHAMAN
PPPS Gred DG48, DG52 & DG54, PPPLD Gred DGA34 & DGA38 dan
AKS Gred 26 – TK4-6

1. Kepada calon yang **mendaftar secara menghantar borang melalui faks ke Bahagian Pemabangunan Pembangunan Kompetensi (BPPK) (no. faks: 03-83179090)** dalam tempoh pendaftaran 1 Feb – 28 Feb 2010 yang lepas, sila faks semula salinan borang pendaftaran berkenaan ke Unit Penilaian Kompetensi, JPNJ untuk tujuan semakan memastikan calon tersebut dapat didaftarkan.
2. Kepada calon yang **tidak berjaya mendaftar secara online** dalam tempoh pendaftaran 1 Feb – 28 Feb 2010 yang lepas, dibenarkan mendaftar:-
 - ✓ Mengisi borang Permohonan Menduduki Penilaian Pemahaman bagi calon yang tidak mempunyai akses internet:
 - BP-PPPTK/B/1/2010 (calon baru)
 - BP-PPPTK/U/1/2010 (calon mengulang)
 - ✓ Borang boleh dimuat turun dari laman web <http://apps.emoe.gov.my/bppk/>
 - ✓ Faks kepada Unit Penilaian Kompetensi, JPNJ
3. Borang permohonan hendaklah difaks ke Unit Penilaian Kompetensi, JPNJ:-
u.p. Pn Haslymazlina Binti Che Hassan
Faks no: 07-238 2809
4. Faks selewat-lewatnya **15 Mac 2010 (Hari : Isnin)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian: 07-2332200:-

1. Pn Haslymazlina samb. 2406
2. Cik Nur Fatiha samb. 2404